KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	22.02.22	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	TNB			

TNB bantu perluas capaian HSBB

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi syarikat subsidiari milik penuhnya, Allo Technology Sdn. Bhd. (Allo) meluaskan lagi akses rakyat kepada capaian internet jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) dengan terkini menghubungkan 56,132 kediaman di enam kawasan di Perak.

Menurut TNB, pencapaian itu menjadikan lebih 180,000 premis meliputi Melaka, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor berada dalam rangkaian kemudahan tersebut.

Jelasnya, kemudahan itu menyokong Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

"Bermula dengan projek menghubungkan 17,000 kediaman di Melaka, Allo kini giat melengkapkan rangkaian infrastruktur gentian optik di enam lagi negeri terlibat dengan sasaran menghubungkan 300,000 premis di Semenanjung Malaysia menjelang akhir tahun ini," katanya dalam kenyataan.

Majlis perasmian Rangkaian Infrastruktur Gentian Optik Jalur Lebar Allo Technology peringkat negeri Perak disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad di Ipoh, semalam.



SAARANI Mohamad melancarkan rangkaian infrastruktur gentian optik jalur lebar Allo Technology di Ipoh, semalam.

Sementara itu, Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin berkata, keupayaan TNB menerusi Allo untuk memberi perkhidmatan berasaskan teknologi yang melangkaui perkhidmatan elektrik di Perak adalah manifestasi keupayaan syarikat untuk memastikan rakyat mendapat liputan jalur lebar yang meluas sejajar dengan hasrat kerajaan.

"Kemudahan ini membolehkan lebih ramai penduduk Perak mendapat akses kepada internet jalur lebar pada harga yang berpatutan, sekali gus memperkasakan rakyat menerusi aspek-aspek seperti pembangunan ekonomi digital, pendidikan dan pembangunan komuniti, lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi mencabar akibat pandemik Covid-19," katanya berucap di majlis tersebut.

Turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.